

# ACARA SERAH TERIMA TUGAS PANGLIMA ANGKATAN TENERA



[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3585-acara-serah-terima-tugas-panglima-angkatan-tentera](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3585-acara-serah-terima-tugas-panglima-angkatan-tentera)

MINDEF, 20 Jun 18 - Angkatan Tentera Malaysia menyaksikan perubahan secara rasmi tampuk pemerintahan Panglima Angkatan Tentera yang baharu dalam Majlis Serah Terima Tugas yang berlangsung di Auditorium Wisma Pertahanan, Kuala Lumpur, hari ini.

Panglima Angkatan Tentera ke-19, YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor menamatkan perkhidmatan dan menyerahkan tugas sebagai Panglima Angkatan Tentera kepada YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Panglima Hj Zulkifli bin Hj Zainal Abidin yang telah dilantik sebagai Panglima Angkatan Tentera ke-20 berkuatkuasa pada 20 Jun 2018. Menteri Pertahanan Malaysia, YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu hadir bagi menyaksikan acara tradisi Angkatan Tentera Malaysia dan menerima kunjungan hormat buat kali terakhir oleh Mantan Panglima Angkatan Tentera sejurus selesai acara yang berlangsung di Auditorium Wisma Pertahanan.

Acara kemuncak menyaksikan tabik hormat oleh YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor kepada kontinjen Kawalan Kehormatan Utama dari Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja. Pada hari terakhir beliau ini diakhiri acara tradisi *send off* dengan *street lining* yang melibatkan warga Angkatan Tentera Malaysia serta memberikan penghormatan sebagai tanda penghargaan kepada mantan Panglima Angkatan Tentera Malaysia dan isteri Puan Sri Norlida binti Hj Abdul Mubin.

Turut hadir pada acara ini ialah YBhg Dato' Halimi bin Abd Manaf, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Panglima-Panglima Perkhidmatan dan isteri serta pegawai-pegawai kanan dan anggota Angkatan Tentera Malaysia.







